

siaran media

UNTUK SIARAN SEGERA

2 April 2020

Kwasa Land melantik Mohamad Hafiz Kassim sebagai Pengarah Urusan

KWASA DAMANSARA – Kwasa Land, anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), menamakan Mohamad Hafiz Kassim sebagai Pengarah Urusan terpilih berkuatkuasa 1 April 2020, menggantikan Dato' Mohd Lotfy Mohd Noh yang telah bersara pada akhir Mac 2020.

Mohamad Hafiz berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang korporat yang berfokuskan bidang hartanah, pasaran modal, ekuiti swasta, perkhidmatan kewangan dan perakaunan.

Beliau akan menerajui usaha Kwasa Land sebagai pemaju induk bagi pembangunan perbandaran Kwasa Damansara, berkeluasan 2,300 ekar yang merupakan kawasan prima terakhir di Lembah Klang yang turut menyediakan perumahan bandar, kemudahan komersial, pendidikan dan rekreasi.

Sejak memulakan kerjaya beliau di KWSP pada tahun 2008, beliau sebelum ini telah menggalas beberapa jawatan utama di Bahagian Pelaburan. Lanjutan daripada perlantikan beliau di Kwasa Land, beliau juga akan terus mengetuai bahagian pelaburan hartanah di KWSP. Sebelum ini, beliau telah mengetuai beberapa bahagian di KWSP termasuklah Bahagian Pasaran Modal dan Swasta (*Private Markets and Capital Markets*).

Beliau pernah menyertai firma yang bereputasi seperti Daiwa Capital, PwC United Kingdom dan Malaysia, dan juga Telekom Malaysia, di mana beliau memulakan kerjaya beliau sebagai Penganalisis Pelaburan.

Melalui pengetahuan dan pengalaman beliau yang luas dalam industri pelaburan, beliau tentunya mampu menerajui pembangunan Kwasa Damansara untuk menjadi sebuah pembangunan utama yang mampan dan turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Mohamad Hafiz berkelulusan Ijazah Sarjana Sains (Ekonomi), jurusan Perakaunan dan Kewangan dari *London School of Economics and Political Science*. Beliau juga merupakan

Kwasa Land Sdn Bhd (849896-A)

a wholly-owned subsidiary of EPF

Lot 116, Jalan Hevea, RRIM, 40160 Sungai Buloh, Selangor, Malaysia

Tel : 603-6151 9900 / 9911 / 9922 / 9955 | Fax : 603- 6151 9977 | Email : info@kwasaland.com.my | Web : www.kwasaland.com.my

ahli badan berkelulusan professional ACCA (*Association of Chartered Certified Accountants*) dan pemegang CFA (*Chartered Financial Analyst*).

MENGENAI KWASA LAND SDN BHD

Kwasa Land Sdn Bhd adalah anak syarikat milik penuh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah ditubuhkan pada September 2010. Ianya diberi mandat untuk menguruskan pelaburan hartanah KWSP terutamanya Kwasa Damansara. Dengan mandat sebagai pemaju induk yang strategik, Kwasa Land Sdn Bhd akan membina sebuah pembangunan campuran dengan keluasan 2,300 ekar di atas tapak yang mewakili kawasan hijau terakhir di Lembah Klang. Visi pembangunan ini adalah untuk mewujudkan sebuah perbandaran hijau dengan jaringan pengangkutan yang baik dan inklusif. Kwasa Damansara akan menyediakan perumahan bandar, serta kemudahan komersial, rekreasi dan pendidikan yang maju ke hadapan.

SIARAN AKHBAR ini disediakan dan disebarikan bagi pihak Kwasa Land Sdn Bhd. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Siti Anisah Sheikh Osman di talian +6014 6358600 (sitianisah@kwasaland.com.my) dan Nor Hazqiah Che Idris di talian +6012 3843138 (hazqiah@kwasaland.com.my).

Kwasa Land Sdn Bhd (200901006931)

a wholly-owned subsidiary of EPF

Lot 116, Jalan Hevea, RRIM, 40160 Sungai Buloh, Selangor, Malaysia

Tel : 603-6151 9900 / 9911 / 9922 / 9955 | Fax : 603- 6151 9977 | Email : info@kwasaland.com.my | Web : www.kwasaland.com.my